



KEMENANGAN

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Kemenangan

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.

Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Kemenangan

⁴Sebelum dunia ini diciptakan, Allah telah memilih kita untuk menjadi umat-Nya melalui hidup bersatu dengan Kristus, supaya kita menjadi suci dan tidak bercela di hadirat-Nya. Kerana kasih-Nya, ⁵Allah telah membuat keputusan untuk menjadikan kita anak-anak-Nya melalui Yesus Kristus. Itulah keinginan dan kehendak Allah. ⁶Marilah kita memuji Allah bagi rahmat-Nya yang mulia, yang dikurniakan-Nya kepada kita melalui Anak yang dikasihi-Nya! ⁷Hal itu demikian, kerana dengan kematian Kristus kita dibebaskan; maknanya Allah sudah mengampunkan dosa kita. Alangkah mulianya rahmat Allah, ⁸yang sudah dikurniakan-Nya kepada kita dengan berlimpah-limpah! Dengan segala kebijaksanaan dan pengertian, ⁹Allah telah melaksanakan tujuan-Nya. Dia memberitahu kita rancangan-Nya yang dirahsiakan, tetapi yang sudah ditentukan-Nya akan disempurnakan melalui Kristus. ¹⁰Rancangan itu akan disempurnakan oleh Allah pada masa yang ditentukan-Nya. Rancangan itu adalah untuk menyatukan segala sesuatu yang telah diciptakan, baik yang di syurga mahupun yang di bumi, dengan Kristus sebagai kepala. ¹¹Allah melakukan semuanya menurut rancangan dan keputusan-Nya sendiri. Dari mula-mula lagi Dia telah memilih kita, kerana Dia mahu supaya kita menjadi umat-Nya oleh sebab hidup bersatu dengan Kristus. (Efesus 1:4-11)

A. Apa itu Peperangan Rohani?

Suka atau tidak, sadar atau tidak, kita melibatkan diri di dalam peperangan dahsyat yang diselubungi kehancuran apabila kita mengambil langkah pertama untuk menjadi seorang Kristian. Ini adalah sebuah peperangan di antara Allah dan Iblis serta segala roh-roh jahatnya. Meskipun peperangan ini ialah peperangan rohani, kadang-kala kesan daripadanya akan kelihatan. Kadang-kadang, kesan-kesan peperangan itu sangat nyata, tetapi pada kebanyakan waktu ianya hanya berlaku di aras spiritual. Walaupun tidak nyata, ia tetap merupakan sebuah peperangan. Sebagai seorang Kristian, kita harus memaklumi akan pertempuran ini sambil memperlengkapkan diri sebagai tentera Tuhan Yesus Kristus.

1. Di manakah medan pertempuran itu?

Terdapat tiga medan pertempuran di mana peperangan sedang bergolak.

- a) Rujuk 1 Yohanes 2:15-17. Apakah kawasan yang dinyatakan di sini yang melawan Tuhan?

¹⁵Janganlah kasihi dunia ini, atau segala sesuatu di dunia ini. Jika kamu mengasihi dunia ini, kamu tidak mengasihi Allah Bapa. ¹⁶Segala sesuatu di dunia ini, iaitu yang diinginkan oleh keinginan hati orang berdosa, dan yang dilihat lalu dikehendaki, serta yang dibangga-banggakan, semuanya tidak berasal daripada Bapa, tetapi dari dunia. ¹⁷Dunia dan segala sesuatu di dunia yang diinginkan oleh manusia tidak kekal. Tetapi orang yang melakukan kehendak Allah, akan hidup selama-lamanya. (1 Yoh 2:15-17)

Istilah 'dunia' di sini tidak merujuk kepada bumi, tetapi nilai sistem-dunia yang bertentangan dengan Firman Tuhan. Ini adalah pertempuran **sosial**. Di sini dosa dan kejahatan mencabar kita dari luar. Kita bertempur dengan ideologi, pengaruh dan godaan yang datang dari luar.

- b) Baca petikan di dalam Roma 7:14-25 dan perhatikan sifat medan pertempuran yang kedua.

Pertempuran ini dikenali sebagai 'kedagingan'. Ini bukan bermaksud kulit, tulang dan tubuh kita. Istilah tersebut merujuk kepada kecenderungan terhadap dosa. Ia adalah sikap kita yang menimbulkan tindakan yang tidak diinginkan. Ini merupakan pertempuran **peribadi** di mana pertempuran itu terjadi di dalam diri sendiri. Kita bergelut dengan nilai-nilai, godaan-godaan dan pengaruh-pengaruh dari dalam diri kita sendiri. Kita mahu melakukan sesuatu yang baik namun kecenderungan kita adalah bertentangan.

c) 1 Petrus 5:8 menjelaskan tentang pertempuran yang ketiga. Apakah itu?

“Berjaga-jagalah dan berwaspadalah, kerana Iblis, musuh kamu merayau-rayau seperti singa yang mengaum sambil mencari mangsa.”(1 Pet 5:8)

Iblis ialah suatu makhluk ghaib yang nyata yang menentang Allah. Ini ialah **‘perang rohani’** di mana kita berperang dengan Syaitan dan para pengikutnya yang sentiasa mencuba untuk menjauhkan kita daripada kehendak Allah. Selain daripada itu, Iblis juga menggunakan dunia dan kedagingan untuk melemparkan kita jauh dari jalan Allah.

2. *Siapakah yang terlibat di dalam konflik itu?*

Pertama sekali, kita perlu melihat bagaimana Alkitab menggambarkan situasi kosmik. Kita harus mengelakkan daripada berfikir bahawa Syaitan adalah bersetentangan dengan Allah dan kuasanya sama dengan Allah ataupun hanya kurang sedikit berbanding Allah. Harus ditekankan bahawa hanya Allah sahaja yang mempunyai sifat keilahian. Dialah yang memiliki kesemua wibawa dan kuasa. Dia

berkuasa mengawal pada setiap waktu, dari dulu sehingga selama-lamanya. Dia Allah Maha Kuasa. Syaitan dan para Iblis merupakan malaikat-malaikat hasil ciptaan Allah Sendiri. Peperangan rohani bukanlah seperti dua kerajaan yang berlawan untuk kekuasaan. Allah adalah Raja Pemerintah Tertinggi dan Syaitan pula mengetuai sekumpulan pemberontak di dalam Kerajaan Allah.

Jadi sekarang, siapakah yang terlibat di dalam konflik itu? Sudah jelas adalah kita sebagai orang Kristian. Syaitan juga terlibat sama. Yang lebih penting, Allah sendiri juga terlibat dalam konflik ini. Sewaktu kita menjadi seorang Kristian, kita mengisytiharkan bahawa diri kita memilih untuk berpihak kepada Allah. Perkara ini pasti membuatkan Iblis memberi reaksi yang nyata kerana dia bertekad untuk melawan rancangan Allah. Oleh itu Iblis berusaha mendapatkan kita untuk kembali memihak kepadanya sekaligus menjauhkan kita daripada keluarga Allah. Justeru itu, kita harus mengetahui satu fakta yang penting - Allah telah pun menang!

Baca 1 Yohanes 5:4, 1 Yohanes 4:4 dan Roma 8:9. Apakah yang disampaikan oleh petikan-petikan tersebut tentang pencapaian Allah dalam ketiga-tiga medan pertempuran dunia, kedagingan dan Iblis?

“Kerana setiap anak Allah dapat mengalahkan dunia ini. Kita mengalahkan dunia ini dengan iman kita.” (1 Yoh 5:4)

“Tetapi anak-anakku, kamu milik Allah. Kamu sudah mengalahkan nabi-nabi palsu itu, kerana Roh yang ada pada kamu lebih berkuasa daripada roh yang ada pada orang milik dunia ini.” (1 Yoh 4:4)

“Tetapi kamu tidak lagi hidup menurut tabiat manusia. Kamu hidup menurut kehendak Roh Allah - jika Roh Allah menguasai hidup kamu. Sesiapa tidak mempunyai Roh Kristus, orang itu bukan milik Kristus.” (Rm 8:9)

3. *Apakah sifat konflik itu?*

Baca Efesus 6:12. Apakah yang dinyatakan dalam ayat itu tentang pertempuran yang melibatkan kita?

“Hal itu demikian kerana kita tidak berjuang melawan manusia, tetapi melawan segala kuasa jahat di angkasa, iaitu roh-roh yang berkuasa dan yang memerintah zaman yang gelap ini.”(Ef 6:12)

Sifat dasar peperangan rohani membuatkan kita tidak dapat menggunakan senjata perang yang biasa. Kita harus menggunakan senjata rohani. Bukan itu sahaja, kita mesti menggunakan strategi

kerohanian. 2 Korintus 10:3,4 menyatakan perkara ini dengan jelas. Apakah jenis senjata yang perlu kita gunakan?

³Memang benar kami ini hidup di dalam dunia, tetapi perjuangan kami tidak berdasarkan tujuan duniawi.

⁴ Senjata yang kami gunakan dalam perjuangan, bukannya senjata dunia ini, melainkan senjata yang diberikan oleh Allah. Dengan senjata itu kami boleh menghancurkan pertahanan musuh. (1 Kor 10:3,4)

Harus diingatkan bahawa sumber kekuatan kita adalah Allah sendiri. Walau sekuat mana ataupun sebaik mana strategi dan kekuatan semula jadi, ia tidak boleh mengalahkan serangan hebat di dalam peperangan rohani. Perang rohani mesti diperjuangkan dengan menggunakan cara Allah dan sumber-sumber daripada-Nya sahaja. Manusia biasa tidak boleh melakukan pekerjaan Tuhan. Efesus 6:10 memberikan kata putus.

“Akhirnya, binalah kekuatan kamu dengan menerima kekuatan daripada kuasa Tuhan, kerana kamu hidup bersatu dengan Dia.” (Ef 6:10)

B. Siapakah Musuh Itu?

1. Asal Usul Syaitan

Baca Yesaya 14:12-15; Yehezkiel 28:11-19

Nubuatan-nubuatan ini terselit di dalam petikan yang panjang tentang Raja Babilonia dan Raja Tirus. Akan tetapi, sifat dan gambaran yang dinyatakan tidak bersesuaian dengan seorang raja manusia. Kebanyakan sarjana mempercayai bahawa petikan-petikan ini merujuk kepada Syaitan.

a) Ia adalah ciptaan (Kejadian 3:1 a)

“Ular ialah binatang yang paling licik antara semua binatang yang dijadikan oleh TUHAN Allah.”(Kej 3:1 a)

Syaitan merupakan salah satu ketua malaikat yang dicipta oleh Allah, tetapi dia jatuh ke dalam dosa. Oleh yang demikian, sebagai makhluk ciptaan Allah, Syaitan sesungguhnya sama sekali tidak menyamai Allah atau setanding dengan Allah dari segi kuasa mahupun kewujudannya. Di dalam alam roh, Allah berkuasa sepenuhnya serta bertakhta sendirian. Oleh itu, adalah jelas kepada kita bahawa Iblis tidak abadi dan Allah BUKAN kedua-duanya baik dan jahat.

b) Ia jatuh kerana keangkuhan (Yesaya 14:13,14)

¹³Engkau bertekad naik ke langit dan menempatkan takhtamu di atas bintang-bintang yang tertinggi. Engkau berfikir engkau dapat duduk sebagai raja di atas gunung di utara, tempat dewa-dewa berkumpul.

¹⁴Engkau ingin naik ke puncak awan dan menjadi seperti Yang Maha Kuasa. (Yes 14:13,14)

Pusat kepada dosa adalah keangkuhan yang diikuti dengan ketidaktaatan. Syaitan yang diciptakan untuk satu tujuan yang istimewa telah jatuh ke dalam dosa disebabkan oleh keangkuhannya.

2. Bidang Kuasanya

Syaitan mempunyai kuasa mengawal bumi secara sementara (Lukas 4:5-6; Efesus 2:1,2) disebabkan oleh dosa manusia.

⁵Lalu Iblis membawa Yesus ke tempat yang tinggi, dan dalam sekelip mata Iblis menunjukkan segala kerajaan di dunia kepada-Nya. ⁶“Aku akan memberikan segala kekuasaan dan kekayaan ini kepada-Mu,” kata Iblis kepada Yesus. “Semuanya ini telah diberikan kepadaku, dan aku berhak memberikannya kepada sesiapa sahaja yang aku suka. (Luk 4:5-6)

¹Dahulu kamu mati secara rohani, kerana kamu tidak taat kepada perintah Allah dan kamu berdosa. ²Pada masa itu hidup kamu mengikut cara hidup yang jahat daripada orang di dunia ini. Kamu mentaati penguasa roh-roh jahat di angkasa, iaitu roh yang sekarang menguasai orang yang tidak taat kepada Allah. (Ef 2:1,2)

Bagaimanapun kuasa Syaitan yang terhad ini adalah di bawah kawalan kekuasaan Allah. Untuk orang Kristian, Alkitab menyatakan bahawa kehadiran Roh Kudus yang hidup di dalam kita membolehkan kita berkuasa ke atas Iblis melalui Kristus (1 Yohanes 4:4).

“Tetapi anak-anakku, kamu milik Allah. Kamu sudah mengalahkan nabi-nabi palsu itu, kerana Roh yang ada pada kamu lebih berkuasa daripada roh yang ada pada orang milik dunia ini.” (1 Yoh 4:4)

3. Iblis Menentang Orang Kristian

a) Bagaimanakah Petrus menggambarkan Iblis di dalam 1 Petrus 5:8?

“Berjaga-jagalah dan berwaspadalah, kerana Iblis, musuh kamu merayau-rayau seperti singa yang mengaum sambil mencari mangsa.” (1 Ptr 5:8)

b) Baca Zakharia 3:1,2. Apakah yang dilakukan oleh Iblis?

¹ Dalam penglihatan yang lain, TUHAN menunjukkan Imam Agung Yosua kepadaku. Imam Agung Yosua sedang berdiri di hadapan malaikat TUHAN. Iblis yang telah bersedia untuk menuduh Yosua, berdiri di sebelah Yosua. ² Malaikat TUHAN berkata kepada Iblis, “Semoga TUHAN menghukum engkau, hai Iblis! Semoga TUHAN yang mengasihi Yerusalem menghukum engkau. Orang ini bagaikan puntung kayu yang ditarik dari api.” (Za 3:1,2)

Maksud harafiah nama “Syaitan” ialah “penuduh”. Iblis akan menuduh orang-orang Kristian tentang berdosa dan kegagalan mereka. Ia akan membuat kita mempersoalkan realiti iman dan juga penyelamatan disebabkan kelemahan-kelemahan kita. Pada masa kebingungan begini, kita perlu ingat bahawa selagi kita terus beriman, tiada yang dapat memisahkan kita daripada kasih Kristus (Yohanes 10:27-29, Roma 8:31-39).

Kita tidak seharusnya membiarkan Syaitan menanam perasaan bersalah ini di dalam diri kita. Justeru itu, kita harus memikirkan janji yang terdapat di dalam 1 Yohanes 1:9, kita harus mengakui dosa kita setiap kali kita jatuh, dan menerima pengampunan dari Allah, serta terus tinggal di dalam kasih-Nya.

“Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan melakukan apa yang adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan membersihkan kita daripada segala perbuatan yang salah.” (1 Yoh 1:9)

- c) Apakah gelaran Iblis yang terdapat di dalam Yohanes 10:10?

“Pencuri datang hanya untuk mencuri, membunuh, dan merosak. Tetapi Aku datang supaya manusia mendapat hidup, iaitu hidup yang kelimpahan.”

(Yoh 10:10)

Selain daripada peranannya sebagai penuduh, Syaitan juga dikenali sebagai perompak berkat-berkat yang datang dari Kristus. Yesus ialah Gembala yang Baik yang memberikan kita makanan dan kedamaian secara kelimpahan, sementara Iblis pula terus mencuba untuk merompak pemberian Kristus kepada kita.

Semakin kita mendekati Tuhan, kita mampu melawan pekerjaan Iblis daripada menghancurkan dan merampas pemberian Allah. Memang benar bahawa ketika kita ingin semakin mendekati Tuhan, Iblis akan menyerang kita dengan lebih ganas. Sebab itulah kita harus sentiasa berwaspada (1 Petrus 5:8,9).

- d) Apakah peranan lain Iblis menurut Kejadian 3:1-7 dan Lukas 4:1-12?

Sejak dari awal lagi Iblis telah mencuba untuk mengoda seterusnya menjauhkan manusia daripada Allah. Ia akan melakukannya dengan pelbagai cara - kesangsian, keangkuhan, keinginan daging, nafsu berahi, jalan singkat, kebendaan, pemujaan serta penyembahan sesat, ketamakan kuasa dan lain-lain lagi (1 Yohanes 2:15-17).

¹⁵Janganlah kasihi dunia ini, atau segala sesuatu di dunia ini. Jika kamu mengasihi dunia ini, kamu tidak mengasihi Allah Bapa. ¹⁶Segala sesuatu di dunia ini, iaitu yang diinginkan oleh keinginan hati orang berdosa, dan yang dilihat lalu dikehendaki, serta yang dibangga-banggakan, semuanya tidak berasal daripada Bapa, tetapi dari dunia. ¹⁷Dunia dan segala sesuatu di dunia yang diinginkan oleh manusia tidak kekal. Tetapi orang yang melakukan kehendak Allah, akan hidup selama-lamanya. (1 Yoh 2:15-17)

- e) Baca Yohanes 8:44, apakah sifat-sifat Iblis yang dinyatakan oleh Yesus di dalam petikan?

“Bapa kamu Iblis dan kamu anak-anaknya. Kamu lebih suka menurut kehendak bapa kamu. Sejak permulaan, Iblis itu pembunuh. Dia tidak pernah memihak kebenaran, kerana tidak ada kebenaran padanya. Apabila Iblis berdusta, hal itu memang sudah sewajarnya, kerana dia pendusta dan asal segala dusta.” (Yoh 8:44)

Iblis bekerja dengan menggunakan pembohongan dan penipuan. Iblis tidak dapat mengambil status umat Allah di dalam Yesus Kristus, akan tetapi Iblis tetap mencubba untuk menipu mereka agar mereka berpaling dari berkat penyelamatan sekaligus menjalani kehidupan Kristian yang ‘terbantut’. Iblis mencuba untuk mempamerkan dirinya sebagai seorang yang berkuasa walaupun dalam realitinya dia tidak.

4. Pekerjaan Iblis Melawan Orang-orang yang Tidak Percaya

a) Apa yang telah Iblis lakukan kepada mereka yang tidak percaya menurut 2 Korintus 4:4?

“Mereka tidak mahu percaya kepada berita yang kami khabarkan, kerana Iblis yang menguasai dunia ini menjadikan fikiran mereka tertutup. Mereka tidak dapat melihat cahaya yang menyinari mereka. Cahaya itu daripada Berita Baik tentang kemuliaan Kristus, yang merupakan gambaran Allah.” (2 Kor 4:4)

- b) Apa yang dikatakan oleh bahagian pertama Yohanes 8:44 (dan juga dalam Yohanes 10:10) tentang pekerjaan-pekerjaan Iblis? (Rujuk juga Markus 9:14-32).

Kebutaan (lihat 4(a) di atas) menyebabkan kehancuran besar kepada mereka yang memilih untuk berjalan di dalam kegelapan. Oleh kerana mereka yang memilih jalan tersebut memasuki pintu gerbang kematian, Iblis akan sentiasa berusaha untuk memusnahkan kehidupan manusia sejauh yang mungkin.

5. Pengakhiran Iblis

- a) Kemenangan Kristus (Kolose 2:13-15; Yohanes 12:31-32; Efesus 1:20-23)



Di atas kayu salib, Kristus telah memusnahkan kuasa Iblis ke atas dunia (perkataan 'kuasa' dan 'wibawa' yang terdapat di dalam petikan ini merujuk kepada kuasa Iblis dan wibawa/hak). Bagaimanapun saki-baki kuasa Iblis adalah hanya sementara sahaja.

¹³Dahulu kamu sudah mati secara rohani kerana kamu berdosa, dan juga kerana kamu bukan orang Yahudi dan tidak mengenal Taurat Musa. Tetapi sekarang Allah telah menghidupkan kamu bersama-sama Kristus. Allah telah mengampunkan semua dosa kita. ¹⁴Dia telah membatalkan surat hutang kita yang mengancam kita dengan syarat-syarat berat. Dia menghapuskan semuanya dengan menyalibkan surat hutang itu di kayu salib. ¹⁵Di kayu salib itu Kristus membebaskan diri daripada kuasa roh-roh yang berkuasa dan yang memerintah. Dia menjadikan mereka tontonan umum apabila Dia menggiring mereka sebagai tawanan dalam perarakan kemenangan-Nya. (Kol 2:13-15)

³¹Tibalah saatnya dunia dihakimi; sekarang penguasa dunia ini akan digulingkan. ³²Apabila Aku ditinggikan di atas bumi, Aku akan memimpin semua orang kepada-Ku.”
(Yoh 12:31-32)

...Kuasa itu seperti kuasa ²⁰ yang digunakan oleh Allah ketika Dia membangkitkan Kristus daripada kematian, lalu memberi Dia tempat duduk di sebelah kanan-Nya di syurga.

²¹Di situ Kristus berkuasa atas semua pemerintah, penguasa, pemimpin, dan raja. Kristus jauh lebih berkuasa daripada sesiapa pun, baik yang hidup pada zaman ini mahupun pada zaman yang akan datang. ²² Allah menaklukkan semuanya ke bawah kekuasaan Kristus, dan memberikan Kristus kepada jemaah sebagai penguasa segala sesuatu.

²³ Jemaah itu tubuh Kristus, dan kesempurnaan Kristus, dan Kristus menyempurnakan segala sesuatu di mana-mana sahaja. (Ef 1:20-23)

b) Kehancuran Iblis (Wahyu 20:10)

Alkitab menyatakan kepada kita dengan jelas bahwa pada akhir zaman, Syaitan dan para pengikutnya akan dimusnahkan untuk selamanya. Pada masa itu Allah akan membawa umat-Nya ke Dunia yang Baru.

“Kemudian Iblis yang telah menipu mereka itu dibuang ke dalam lautan api dan belerang. Di situlah tempat binatang itu dan nabi palsu itu telah dibuang dahulu. Mereka semua akan disiksa siang dan malam untuk selama-lamanya.” (Why 20:10)

C. Apakah Peranan Kita di Dalam Peperangan Rohani ini?

1. Kenakan Perlengkapan Senjata Allah (Ef 6:14-17)



a) Tali Pinggang Kebenaran

Tali pinggang kebenaran menggambarkan komitmen Kristian terhadap kebenaran Firman Tuhan. Pemahaman yang samar-samar dan kurangnya mengamalkan kebenaran Tuhan menyebabkan perjalanan rohani kita tersandung dan ini akan mengurangi keberkesanan kita sebagai tentera-tentera Allah.

b) Perisai Dada Ketulusan

Perisai dada ketulusan melambangkan gaya hidup yang taat percaya kepada Tuhan. Ketulusan (kehidupan yang benar) melindungi kita daripada kerugian dan kerosakan akibat dosa. Ia adalah perlindungan ilahi daripada Allah untuk kita.

c) Kasut Injil Kedamaian

Kasut Injil Kedamaian menggambarkan keyakinan terhadap janji-janji Allah yang terdapat di dalam Alkitab yang membawa kedamaian. Krisis cenderung membuat kita hilang arah tetapi damai dari Allah membawa kestabilan.

d) Perisai Iman

Perisai iman menggambarkan perlindungan ke atas kehidupan berdasarkan kepada iman terhadap sifat-sifat, firman dan perbuatan Allah. Iman bermaksud mempercayai Firman Allah meskipun keadaan tampak sebaliknya. Godaan dan keraguan yang ada seharusnya dihentikan

dengan beriman kepada janji Allah di dalam Firman-Nya.

e) Topi Keselamatan

Topi Keselamatan menggambarkan satu gaya hidup penuh pengharapan hasil daripada tumpuan ke atas penyelamatan yang mutlak. Pengharapan bukanlah sekadar impian. Ia adalah satu kepastian masa hadapan yang disertai dengan iman. Harapan membolehkan kita bertahan menghadapi ancaman kehidupan yang melampau dengan mengingatkan kita bahawa kita adalah kepunyaan Allah.

f) Pedang Roh

Alkitab mengajar kita bahawa Pedang Roh ialah Firman Allah. Ia menggambarkan tentang penggunaan Firman Allah dari segi serangan dan pertahanan di dalam peperangan rohani. Di dalam Lukas 4:1-13, Yesus melawan godaan Iblis sewaktu berpuasa dengan menggunakan Firman Allah. Kita juga harus belajar untuk menggunakan Firman Allah secara efektif.

2. Doa

Selepas perincian tentang perlengkapan senjata Allah, masih terdapat satu perkara penting yang harus diketahui: doa. Rujuk semula petikan tentang perlengkapan senjata Allah di dalam Efesus 6:18-20 dan senaraikan perihal yang dikatakan tentang doa.

Bagaimanakah kita berdoa?

Bilakah seharusnya kita berdoa?

Siapakah yang kita doakan?

Apakah yang kita doakan?

Dalam peperangan rohani, doa bukanlah suatu aksesori sampingan yang hanya kita gunakan apabila perlu. Doa ialah bahagian terpenting di dalam peperangan rohani. Doa menghubungkan kita kepada Tuhan serta disedarkan tentang kehendak-Nya. Doa ialah talian hayat untuk kita mendapatkan sumber-sumber dan arahan-arahan daripada Tuhan. Doa juga membina hubungan kita dengan Allah, Komander perang kita.

3. Berkerja Sebagai Satu Tubuh

Petikan di dalam Efesus tentang perlengkapan senjata Allah sering membuat kita terbayang seorang askar Roma yang lengkap dengan pakaian tentera, yang bersedia untuk menghadapi musuh. Penting untuk disedari bahawa angkatan tentera Roma kuat bukan kerana disebabkan oleh kelengkapan perang yang baik, tetapi askar-askar mereka kerjasama dalam satu pasukan yang hebat.

Jadi menurut konteks kita pada hari ini, peperangan rohani ialah perkara yang melibatkan sekumpulan orang Kristian. Menurut terjemahan bahasa Yunani, istilah 'kamu' yang digunakan dalam petikan Efesus adalah berbentuk kata jamak, bermaksud 'kamu semua' dan bukannya 'kamu secara individu'. Walaupun Paulus seakan-akan bekerja sendirian, dia mendapatkan sokongan doa daripada orang-orang Kristian di Efesus. "Doakan saya" dan "doakan untuk semua orang kudus," pinta Paulus kepada mereka. Demikian juga dorongan, pengertian, sokongan secara fizikal – semua perkara ini memainkan peranan yang penting di dalam pendekatan gereja kepada peperangan rohani.

D. Memenangi Peperangan

1. Menegaskan Identiti Baru Kita

Baca 2 Korintus 5:17, apakah yang akan terjadi apabila seseorang menjadi Kristian?

“Apabila seseorang bersatu dengan Kristus, orang itu menjadi manusia baru. Yang lama sudah lenyap dan yang baru bermula.” (2 Kor 5:17)

Kita masih memiliki cara berfikir yang lama kerana telah lama terbiasa di dalam cara berfikir dan bertindak di dalam dunia yang telah jatuh. Iblis boleh menggunakan perkara ini untuk menipu kita supaya bertindak seperti seorang yang belum mengenal Kristus di dalam kehidupannya. Kita boleh mengatasi perkara ini dengan mengakui apa yang telah Allah lakukan kepada kita melalui Kristus dan menumpukan perhatian kepada siapa kita sekarang di dalam-Nya. Asas kebenaran ini adalah seperti yang disenaraikan di bawah.

- Saya telah dipilih oleh Allah.
- Saya suci dan tidak bernoda di hadapan-Nya.
- Saya dijadikan anak-Nya melalui Yesus.
- Saya adalah penerima rahmat dan kebaikan-Nya.

- Saya telah ditebus.
- Saya sudah diampunkan dari semua dosa.
- Saya telah dijadikan sebagai seorang pewaris.

Semua yang di atas boleh didapati di dalam Efesus 1:4-11. Baca petikan tersebut. Semua pemikiran ini perlu diperkukuhkan di dalam minda kita. Kita harus mula berfikir dan bertindak seperti ciptaan yang baru.

2. Menjaga Hati Nurani yang Suci

Rujuk Kisah Rasul-Rasul 24:16. Apakah yang boleh anda nyatakan tentang kepentingan suara hati bagi Paulus?

“Oleh itu saya berusaha sebaik-baiknya supaya hati nurani saya sentiasa bersih di sisi Allah dan di hadapan manusia.”(Kis 24:16)

Hati nurani yang suci bukan sahaja amat penting di dalam kewibawaan moral seseorang, tetapi juga kepada kemenangan di dalam peperangan rohani. Ini tidak bermaksud kita tidak akan berbuat dosa, tetapi kita meminta pengampunan secepat mungkin selepas menyedari telah melakukan dosa. Mintalah kepada Tuhan untuk mengungkapkan apa yang salah di mata-Nya agar kita boleh memohon pengam-

punan-Nya. Begitu juga bagi kesalahan kita kepada orang lain. Kita juga perlu mengampuni orang yang telah berbuat salah kepada kita.

3. *Meruntuhkan Benteng/Kubu*

Benteng/kubu yang dimaksudkan ialah kuasa mengekang yang sukar diatasi oleh seorang Kristian. Ini adalah rentetan sikap yang tidak alkitabiah ataupun keingkaran yang berulang. Ini boleh berlaku dalam bentuk gangguan Iblis (contohnya seperti mimpi ngeri dan suara-suara yang ganjil), ketagihan (seperti makanan, alkohol, dadah dan seks), atau perhambaan secara emosi (keangkuhan, kemarahan dan kebencian). Penglibatan terhadap ilmu ghaib di masa yang lampau dan juga ikatan keturunan bersama Iblis merupakan di antara penyebab terkuat wujudnya kubu-kubu tersebut. Perkara ini menghalang kita daripada menghargai kehidupan yang dijanjikan oleh Yesus.

³Memang benar kami ini hidup di dalam dunia, tetapi perjuangan kami tidak berdasarkan tujuan duniawi.

⁴Senjata yang kami gunakan dalam perjuangan, bukannya senjata dunia ini, melainkan senjata yang diberikan oleh Allah. Dengan senjata itu kami boleh menghancurkan pertahanan musuh; kami menghapuskan perdebatan

⁵dan mengatasi setiap alasan yang diajukan oleh orang sombong untuk menentang pengetahuan tentang Allah. Kami menawan fikiran orang supaya taat kepada Kristus.

⁶Setelah kamu membuktikan kesetiaan kamu, kami siap menghukum sesiapa pun yang tidak setia. (2 Kor 10:3-6)

Apakah yang dikatakan di dalam 2 Korintus 10:3-6 tentang bagaimana kita seharusnya menghancurkan benteng kubu tersebut?

4. Melawan Iblis (Yakobus 4:7)

“Oleh itu, taatlah kepada Allah. Lawanlah Iblis, maka Iblis akan lari daripada kamu.” (Yak 4:7)

Kita melawan Iblis dengan menuntut kebenaran Alkitab serta memakai perlengkapan senjata Allah, tetap berada di dalam sikap berdoa dan bergantung sepenuhnya kepada kuasa Tuhan. Tidak ada rumusan khusus atau simbol rahsia. Sebaliknya ini merupakan disiplin untuk terus berjalan dengan Tuhan dan di dalam kuasa-Nya. Iblis bukanlah pesaing Allah tetapi musuh-Nya. Tiada yang dapat menandingi Allah. Dia adalah satu-satunya Pencipta. Semua yang lain hanyalah ciptaan-Nya.

Soalan Untuk Perbincangan

1. Pihak media sangat tertarik dengan aktiviti-aktiviti berunsur kejahatan seperti yang dapat kita lihat dalam komik dan filem. Apakah yang anda dapat katakan tentang kecenderungan ini?
2. Dalam satu peperangan fizikal, keutamaan mereka yang terlibat adalah menjurus kepada usaha-usaha perang. Bagaimanakah anda melakukan hal yang sama di dalam satu peperangan rohani?
3. Kejahatan tampak lebih menarik daripada kebaikan. Apakah pendapat anda tentang komen ini?
4. Ramai orang Kristian yang menemui kegagalan kerana mereka tidak menyedari akan harta mereka di dalam Yesus Kristus. Apa yang boleh anda kongsiikan menurut iman percaya anda sebagai seorang Kristian?
5. Orang Kristian sering melihat diri mereka sebagai satu gambaran yang bertempur dengan kuasa-kuasa kejahatan. Bagaimana pemahaman dalam konteks tubuh Kristus boleh membuat satu perbezaan di dalam kehidupan Kristian anda?